

SALUTASI

**MESYUARAT AGUNG KE-10 PUSPANITA CAWANGAN UTeM
27 JANUARI 2023 (JUMAAT)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

YBhg. Datin Dr. Fadzilah binti Salim
Pengerusi PUSPANITA Cawangan UTeM

YBrs. Dr. Anis Suhaila binti Mohd Zain
Mantan Penasihat PUSPANITA Cawangan UTeM

Isteri-Isteri Pegawai Kanan UTeM

Ahli Jawatankuasa, ahli-ahli PUSPANITA Cawangan UTeM serta
para hadirin yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Wbt Dan Salam Sejahtera,

Salam UteM ku Sayang, Menjajar Universiti, Melonjak Ke
Hadapan.



TEKS UCAPAN

YBRS. PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR UTeM

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG KE-10 PUSPANITA
CAWANGAN UTeM**

27 Januari 2023 (Jumaat) | 2.30 Petang

Auditorium Canselori

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita sama-sama berkumpul pada petang yang indah ini bersempena Mesyuarat Agung ke-10 PUSPANITA Cawangan UTeM.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PUSPANITA Cawangan UTeM kerana menjemput dan memberi

penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan UTeM kali ke-10 ini.


- 
3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas kehadiran isteri-isteri Pegawai Kanan UTeM yang dapat meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini dan secara tidak langsung memberi kelebihan kepada mereka untuk mengenali rakan-rakan pejabat suami masing-masing. Selain dapat berkenalan, dapatlah juga bertukar pengalaman dan berkongsi kepakaran masing-masing.

4. Sesungguhnya kehadiran puan-puan sekalian membuktikan yang kita tidak hanya memberatkan kepentingan tugas di pejabat, malah turut menyokong pembangunan kerjaya penjawat awam wanita dengan melengkapkan sahsiah dari aspek intelektual, fizikal mahupun spiritual melalui aktiviti berpersatuan. Sokongan padu ini pastinya amat bermakna kepada PUSPANITA Cawangan UTeM.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Selaku Penaung PUSPANITA Cawangan UTeM yang baharu, adalah menjadi kewajipan saya untuk mendekati PUSPANITA

Cawangan UTeM serta memastikan kelangsungan penglibatan ahli-ahli dalam menganjurkan program di peringkat UTeM mahupun penglibatan bersama PUSPANITA Negeri.

- 
6. Dari pemerhatian saya, program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini ternyata banyak memberi impak positif dan memenuhi objektif utama penubuhan PUSPANITA Cawangan UTeM iaitu untuk merapatkan hubungan silaturrahim dan menyatupadukan isteri-isteri dan staf wanita UTeM di semua peringkat.

7. Di samping itu juga aktiviti-aktiviti berbentuk pengetahuan, keusahawanan, kesihatan, keterampilan dan kekeluargaan juga telah berjaya dikongsikan agar puan-puan dapat meningkatkan ilmu dan kefahaman dalam bidang-bidang berkenaan.
8. Dengan persekitaran dunia semasa yang berubah-ubah, saya ingin sarankan agar semua ahli untuk sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu dan keupayaan diri. Segala hasrat, perancangan dan aktiviti PUSPANITA Cawangan UTeM juga

mesti berdaya saing dan bercitrakan kreativiti serta inovasi agar dapat memberi ilmu yang maksimum kepada semua ahli.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. *There is no limit to what we, as a woman can accomplish.* (Michelle Obama). Pada zaman kini, sebagai seorang wanita, kita bukan sahaja berperanan sebagai seorang isteri dan seorang ibu. Malahan banyak lagi peranan seperti seorang pensyarah, ahli politik, CEO syarikat dan pelbagai lagi. Ini membuktikan bahawa wanita adalah ‘*multitalented*’ dan

mampu untuk menyumbang terhadap pembangunan ekonomi.

10. Harapan saya melalui PUSPANITA Cawangan UTeM, kita akan mampu untuk menganjurkan program-program yang berimpak tinggi khususnya untuk memastikan pembangunan kompetensi wanita bukan sahaja di peringkat UTeM, bahkan di peringkat kebangsaan. Sebagai contoh penganjuran Women Technicpreneurship Convention yang telah dianjurkan di UTeM pada tahun 2022 yang memberi

penekanan terhadap pembangunan wanita dalam bidang technicpreneurship.

11. Secara tidak langsung kewujudan PUSPANITA memberi satu makna terhadap pembangunan dan kemajuan wanita dari segi intelektual, bakat dan juga ekonomi. Penganjuran program seperti ini membuktikan perpaduan di kalangan wanita dalam membangunkan wanita bukan secara individu, tetapi secara bersama.

12. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua hadirin pada hari ini. Juga, tahniah dan syabas kepada Pengurus PUSPANITA Cawangan UTeM dan seluruh jawatankuasanya, serta ahli-ahli atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 10 pada tahun ini.

13. Semoga semangat kekitaan dan talian persahabatan yang terjalin dalam PUSPANITA Cawangan UTeM sentiasa diteruskan, disuburkan dan turut dizahirkan semasa melaksanakan tugas-tugas harian kita.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya menyempurnakan perasmian “Mesyuarat Agung Tahunan kali ke sepuluh PUSPANITA Cawangan UTeM”.

Sekian, terima kasih.

